

AGONG BAHARU – PEMIMPIN WIBAWA BERJIWA JELATA

Zhameir Shafiq Mohd Ilias

Majlis Raja-Raja dalam mesyuaratnya ke-263 pada 27 Oktober 2023 telah bersetuju mengisytiharkan, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor untuk dipilih sebagai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, selama tempoh lima tahun mulai 31 Januari 2024 – lantas menjadikan Baginda sebagai YDPA ke-17 dalam sejarah sistem pemerintahan bergilir yang unik di Malaysia dan buat julung kalinya juga, Baginda memegang jawatan tersebut selepas 34 tahun pemerintahan ayahandanya, Almarhum Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail, YDPA ke-8 pada 1984.

Khabar pelantikan Baginda sebagai YDPA yang baharu ternyata diterima dalam pelbagai nada dan nuansa dalam kalangan jelata. Rata-ratanya melihat kehadiran sosok Sultan Ibrahim di peringkat pusat ini bakal menganjak dinamika hubungan antara istana dan Kerajaan Persekutuan ke satu lembaran yang lebih menarik untuk diperhatikan.

LANTANG DEMI RAKYAT

Sultan Ibrahim sememangnya terkenal dengan sifat terbukanya malah dilihat lantang mengkritik dan menyuarakan pendapatnya mengenai permasalahan yang berkaitan rakyatnya. Sebagai contoh, Baginda secara terbuka mengkritik keras menerusi hantaran di Facebook miliknya mengenai mutu perkhidmatan pembersihan yang dijalankan oleh sebuah syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di beberapa flat kos rendah di negeri Johor yang membuatkan seolah-olah penghuninya hidup umpama dalam ‘reban ayam’.¹

Susulan kritikan itu, telah menggegas Nga Kor Ming untuk segera menyelesaikan isu tersebut dalam tempoh dua hari setelah tampil menghadap Baginda di Istana Bukit Serene.

Dalam satu kisah yang lain, Baginda menegur polisi dan insentif program Malaysia My Second Home (MM2H) di bawah kelolaan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sebagai membebaskan mereka yang menyertainya dan menteri, Tiong King Sing terus dipanggil menghadap berkaitan isu tersebut.²

Lanjutan itu, Anwar Ibrahim dalam sebahagian dari ucapan pembentangan Belanjawan 2024, akhirnya bersetuju melonggarkan syarat-syarat sedia ada untuk permohonan MM2H bagi meningkatkan kedatangan pelancong dan pelabur asing ke

¹ <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/442783>

² <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/06/improve-mm2h-programme-to-not-burden-applicants-johor-sultan-asks-putrajaya/78240>

Malaysia di samping melipatgandakan aktiviti pelaburan dalam pasaran kewangan dan industri hartanah negara.

Dua kisah ini mencerakinkan secara jelas kepekaan Baginda dalam penglibatan aktifnya terhadap penambahbaikan kelompongan polisi serta dasar kerajaan yang secara tidak langsung akan memaksa barisan kabinet pasca rombakan 1.0 untuk bertungkus-lumus bekerja dengan lebih keras, pantas dan tuntas.

CABARAN ANWAR IBRAHIM

Dalam satu temuramah yang dilaporkan oleh *The Star* selepas 100 hari pemerintahan Kerajaan Perpaduan, Sultan Ibrahim memberikan indikasi jelas terhadap Anwar Ibrahim bahawa hubungan mereka adalah sangat baik, malah boleh dikatakan lebih baik daripada mana-mana Perdana Menteri sebelum ini.³

Refleksi indikasi itu ketara dapat dilihat apabila Baginda berkenan menerima mengadap Anwar Ibrahim hanya selepas tiga hari beliau mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri. Menariknya, kedua sosok ini berkongsi misi yang serupa – pembersihan negara dari kanser korupsi tanpa perlu mengira sama ada bilis atau jerung yang menjadi antara intipati utama dalam agenda pemerintahan masing-masing.

Pun begitu, Anwar Ibrahim pastinya tidak leka dengan reaksi positif itu dan mengambil maklum pandangan yang dilontarkan mengenai kelemahan pasukan kabinetnya oleh anakanda Baginda, Tunku Ismail Tunku ketika tampil dalam siri *podcast* 'Keluar Sekejap' yang dihoskan Khairy Jamaluddin dan Shahril Hamdan.⁴

Mengulas lanjut, Pemangku Sultan Johor itu juga turut memberi bayangan Anwar Ibrahim mungkin bakal menghadapi 'kesukaran' sepanjang pemerintahan ayahandanya yang secara tidak langsung mengisyaratkan Sultan Ibrahim sudah bersedia memainkan peranan aktif dalam siri-siri keputusan dasar yang dibuat oleh kabinet Anwar Ibrahim.

Dalam wawancara bersama *The Straits Times Singapore*, Baginda membayangkan penglibatannya dengan menyatakan hasrat untuk memantau secara terus SPRM dan PETRONAS yang kini hanya bertanggungjawab kepada kerajaan. Malah, Baginda turut menggesa pelantikan badan kehakiman yang lebih bebas, dengan eksekutif tidak dilibatkan dalam proses pelantikan tersebut.

Hasrat berkenaan bagaimanapun mengundang polemik yang luar biasa dalam kalangan netizen dan Anwar Ibrahim mungkin berjaya melepasi rintangan awalnya dalam mencorak hubungan kerja bersama Baginda dengan respons - ianya sekadar

³ <https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/23/get-rid-of-the-cancer-called-graft>

⁴ <https://www.nst.com.my/news/nation/2023/12/988665/im-going-hunt-all-corrupt-people-sultan-ibrahim>

cadangan yang boleh dibincangkan bersama tanpa menggugat kuasa dan peruntukan Perlembagaan Negara.

MENYUKAT POLITIK NEGARA

Keberadaan Sultan Ibrahim di pentas federal juga dilihat berupaya untuk mengimbangi senario politik negara yang kian dipolarisasi. Baginda dicanang sebagai seorang yang tidak gentar untuk menongkah perangai politikus yang melampaui batas dan Baginda nampaknya sudah bersedia untuk terbabit secara langsung dalam arena politik negara dan salah satu catatan Baginda di platform Instagramnya membuktikan kesediaan itu - *“Sudah-sudahlah. Sampai bila lebih 30 juta rakyat Malaysia hendak menanggung keadaan sebegini? Ekonomi perlu dipulihkan, kesejahteraan dan kemakmuran negara mesti diutamakan,”*.⁵

Ketika pembukaan rasmi Sidang DUN Johor ke-14, Baginda pernah bertitah dengan amaran bahawa tidak perlu ada wakil rakyat jika masing-masing hanya memikirkan tentang kedudukan sendiri bukannya kepentingan rakyat dan Baginda tidak teragak-agak untuk membubarkan DUN sekiranya berlaku keadaan yang menjatuhkan kerajaan negerinya.⁶

Manakala dalam satu situasi lain yang menceritakan ketegasan Baginda dalam politik, Baginda pernah menitahkan segala projek yang dilaksanakan oleh kerajaan hendaklah disebut sebagai projek kerajaan, dan bukan lagi projek milik mana-mana parti politik yang secara tidak langsung bertujuan untuk menghapuskan perbezaan politik di negeri Johor.

Dalam titahnya ketika Majlis Istiadat Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Baginda Ke-65 di Dewan Singgahsana Istana Besar pada November lalu pula, Baginda terus menekankan bahawa keutamaannya sebagai YDPA bukanlah untuk menjaga kepentingan politik 222 wakil rakyat, sebaliknya demi 33 juta rakyat Malaysia, yang menukikan kesungguhan Baginda untuk mengharmonikan pertiwi dari kekucar-kaciran yang dicatur sang politikus.

SECAWAN TEH BAGINDA

Di pentas antarabangsa, hubungan Baginda dengan para pemimpin dunia tidak perlu dihuraikan lagi. Namun, hubungan istimewanya bersama jiran tertangga, Singapura adalah satu sejarah menarik untuk diungkap. Pertalian yang dibina bukan sahaja dilihat sebagai hubungan antara dua negara, tetapi melangkaui Istana Diraja Johor dan keluarga Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong. Perkenalan selama lebih

⁵ https://www.instagram.com/p/Crx9udiuaBW/?utm_source=ig_embed&ig_rid=e978b6d4-3f20-426e-bac4-9e3eef3606db

⁶ <https://www.sinarharian.com.my/article/155097/EDISI/Sultan-Johor-tidak-teragak-bubar-DUN-jika-ADUN-terus-bertelagah>

35 tahun disifatkan sebagai suatu yang eksklusif sehinggakan Baginda mengumpamakan hubungan tersebut ibarat *“Dengan secawan teh, kita boleh memutuskan sesuatu.”*⁷

Justeru, kita bertuah. Kehadiran Sultan Ibrahim di Persekutuan bakal mengukuhkan lagi hubungan diplomatik dua hala bersama negara seberang Tambak berkenaan. Dan perkara itu nampaknya tidak mengambil masa yang panjang dengan isu Perjanjian Air antara Malaysia-Singapura antara yang dibincang dan dilaporkan dipersetujui ketika Sesi Permukiman Pemimpin-Pemimpin Malaysia-Singapura pada Oktober 2023.

Begitu juga dengan projek Empangan Tasik Linggiu iaitu sumber air utama Singapura di Malaysia, Zon Kewangan Khas di Forest City, Johor Bahru, tuntutan semula pulau-pulau yang dimiliki dan Zon Ekonomi Khas (SEZ), Projek Rapid Transit System Link (RTS), Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) yang pastinya diberikan suntikan oleh Sultan Ibrahim untuk merancakkan aktiviti ekonomi antara Malaysia-Singapura.

Dalam pada itu, Sultan Ibrahim juga turut memiliki hubungan yang sangat baik bersama China. Memetik laporan wawancara eksklusif *Sin Chew Daily*, Baginda kekal menekankan kepentingan Malaysia untuk mengekalkan hubungan mesra dengan kuasa besar Asia tersebut, sambil menyifatkannya sebagai rakan kongsi pelaburan yang baik dan boleh dipercayai.⁸

2024 adalah tahun penting dalam menandakan gemilang ulangtahun 50 tahun hubungan diplomatik Malaysia-China sejak 1974 dan Sultan Ibrahim merupakan watak penting dalam lipatan sejarah yang bakal dicipta kelak. Hubungan akrab Johor-China yang sedia terjalin sejak di zaman Sultan Abu Bakar - sehinggakan wujudnya sebuah “Dewan Cina” di muzium yang mendokumentasikan sejarah kerabat Diraja Johor yang sering menjemput pemimpin negara China ke istana bagi jamuan teh sejak 148 tahun yang lalu - pastinya akan terus diterjemah oleh Baginda di peringkat Persekutuan untuk hasil yang bermanfaat kepada rakyat di negara ini.

Oleh kerana itu, Baginda menyifatkan program MM2H merupakan projek penting dalam mengukuhkan status Malaysia sebagai negara mesra pelabur khususnya kepada China. Dalam wawancara sama juga, Baginda turut mendedahkan peranan yang dimainkannya bersama para pelabur China dalam beberapa sektor seperti industri kelapa sawit yang bakal menjana nilai tambah serta pulangan lumayan kepada ekonomi negara.

⁷ <https://www.beritaharian.sg/malaysia/hubungan-msia-spura-istimewa-sultan-johor>

⁸ https://www.sinchew.com.my/20230826/johor-sultan-need-for-closer-ties-with-china/?pk_vid=40ec8534430919fd1706372646c88b03

Hakikatnya, biarpun Baginda tidak dibenarkan campur tangan dalam sebarang perjanjian dan rundingan diplomatik secara langsung sebagai YDPA, namun, melalui pengaruh serta hubungan peribadinya bersama para pemimpin negara luar, berupaya untuk membantu Kerajaan Perpaduan dan seterusnya membuka pintu untuk hubungan diplomatik antarabangsa yang lebih mesra.

WIBAWA MONARKI GEMILANG PERTIWI

Kita beruntung kerana keunikan sistem raja berpelembagaan yang diamalkan Malaysia membuka peluang buat rakyat untuk melihat kewibawaan para pemimpin seperti Sultan Ibrahim dalam memimpin negara sebagaimana kita menyaksikan kebijaksanaan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah melayari bahtera menghadapi pelbagai krisis sepanjang pemerintahannya.

Namun begitu, seperkara yang tidak boleh dinafikan, kehadiran Sultan Ibrahim di pentas pusat pastinya menghadirkan implikasi positif terhadap polisi dan politik negara era Kerajaan Perpaduan ini. Dan rakyat, pastinya ingin melihat gabungan dua figura ini – Sultan Ibrahim dan Anwar Ibrahim melakar sebuah legasi yang lebih baik demi negara tercinta.

Dari desa hingga ke kota, dari petani hingga ke menteri, kita semua teruja untuk menikmati detik bersama Sultan Ibrahim sebagai ketua negara yang baharu.

Daulat Tuanku!